



BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES
Faculty of Liberal Arts

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU3212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : January – April 2019
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
**PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
 SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 10 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rasuah merupakan pemberian atau penawaran ganjaran kepada seseorang bagi mempengaruhi tingkah lakunya. Peningkatan kes rasuah di Malaysia adalah disebabkan oleh rakyat semakin berani untuk melaporkan kegiatan ini kepada pihak yang berkuasa. Hal ini dinyatakan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan syarahan yang bertajuk, *Memerangi Rasuah Di Malaysia: Pencapaian, Cabaran dan Perspektif* di Akademi Anti-Rasuah Antarabangsa (IACA). Global Corruption Barometer 2009 menunjukkan antara industri yang paling terdedah kepada risiko rasuah ialah industri pembinaan. Syarikat di Malaysia merasakan pelabur yang hendak melabur di syarikat mereka terbuka kepada penipuan, rasuah dan salah guna kuasa. Sektor industri lain seperti perkhidmatan kewangan, peruncitan dan sumber asli juga terjejas dengan rasuah.

Rasuah yang diibaratkan seperti **api dalam sekam** ini berlaku akibat kelemahan individu itu sendiri. Mereka sanggup menggunakan cara yang salah untuk memaksimumkan keuntungan personal atau korporat. Sebahagiannya mahu cepat kaya, terlibat dalam perjudian dan mempunyai banyak hutang. Selain itu, rasuah juga sering terjadi disebabkan faktor sosial seperti kurangnya integriti dalam diri individu, iaitu menjadikan perbuatan memberi rasuah sebagai satu adat. Pemberi rasuah juga akan melakukan perbuatan yang tidak bermoral ini untuk mengelakkan diri daripada berhadapan dengan karenah birokrasi yang begitu rumit. Hal ini kebiasaannya berlaku dalam sesebuah organisasi atau syarikat. Isu pentadbiran yang lemah ini perlulah diberi perhatian yang serius supaya tidak menyusahkan orang ramai serta tidak mengundang kepada gejala rasuah.

Seterusnya, ada juga yang menggunakan rasuah untuk memenangi sesuatu kontrak. Contohnya, ada kontraktor yang akan menawarkan rasuah apabila dia percaya bahawa pesaingnya juga berbuat demikian untuk memenangi sesuatu tender atau kontrak yang mempunyai nilai yang sangat tinggi. Malangnya, kemenangan ini akan memberikan kesan yang buruk sehingga boleh menyebabkan kematian. Hal ini berlaku disebabkan kontrak itu diperolehi oleh syarikat yang tidak berkelayakan. Kegagalan dalam pembinaan boleh memberi risiko yang sangat tinggi kepada masyarakat dan negara. Di samping itu, ada juga orang politik yang begitu tamak untuk mengumpul harta dengan cara memberi atau menerima rasuah. Mereka telah menyalahgunakan kuasa politik untuk kepentingan peribadi. Hal ini terbukti apabila baru-baru ini, dapat dilihat beberapa ahli politik didakwa atas isu rasuah ini.

Kesimpulannya, rasuah perlu dielakkan kerana tidak mendatangkan kebaikan langsung kepada negara. Sebaliknya, rasuah begitu membahayakan kepada semua pihak. Semua rakyat perlu sedar dan lebih berintegriti dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk mencapai tahap masyarakat yang mempunyai ketamadunan yang tinggi.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan “api dalam sekam”? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, berikan **EMPAT (4)** faktor berlakunya perbuatan rasuah ini. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** kesan buruk akibat rasuah kepada hartanah? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tajuk : Selamat Tahun Baharu, Bahasaku

Karya : Nordin Saad

Selamat tahun baharu bahasaku
bertambah lagi usiamu
teruskan langkahmu
menuju alaf baharu
moga kembaramu
selamat tiba di mercu.

Kutahu perjalananmu
sering terganggu
adakalanya kaku
dijangkiti virus seteru
yang tak ingin kaumaju.

Ada suara ragu
masih keliru denganmu
kononnya kau tak mampu
melakari bahasa ilmu.

Bahasaku
teruskan langkahmu
pastikan kau tiba
ke destinasi dituju
tanpa setitis darah banggamu
tumpah di lantai cemburu.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “**dijangkiti virus seteru**”? **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** harapan penulis berdasarkan sajak tersebut? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. menanak **(2 markah)**
- II. menjerang **(2 markah)**
- III. mengukus **(2 markah)**
- IV. menggoreng **(2 markah)**
- V. memanggang **(2 markah)**

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat telah berjaya meneroka fikiran kita agar celik dengan pelbagai jenis ilmu.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Hasil kajian gulungan profesional dalam bidang perubatan, lahirlah kaedah baharu untuk perawat penyakit itu.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

3. Pelajar itu hendak membeli alatulis yang dijual di kedai buku yang terletak pendekatan dengan rumahnya.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

4. Satu selidikan akan dijalankan untuk mengetahui punca kepupusan beberapa spisis burung di Malaysia.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

5. Sebuah majlis untuk meraikan para atlit yang harumkan nama Malaysia dalam kejohanan sukan antarabangsa telah diadakan di Kuala Lumpur.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Internet merupakan satu ciptaan manusia yang wajar dikagumi dan pada masa yang sama merupakan satu kepentingan dalam kehidupan setiap individu. Namun begitu, terdapat juga isu penyalahgunaan Internet dan jenayah siber berlaku. Bincangkan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak memanfaatkan Internet.

SOALAN 2

Isu-isu yang berkaitan dengan penerokaan hutan acapkali menjadi bahan paparan dalam surat khabar dan televisyen. Hal ini berlaku disebabkan oleh banyak aktiviti penerokaan hutan dibuat secara tidak terancang. Jelaskan akibat-akibat yang akan berlaku jika berlaku penerokaan hutan yang tidak terkawal.

SOALAN 3

Ketika negara kita melangkah ke arah pembangunan fizikal yang pesat, ilmu kepenggunaan dalam kalangan rakyat Malaysia masih berada di takuk yang lama dan tidak mengalami anjakan paradigma. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri pengguna yang bijak?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT